

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XIV)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB. LEE CHUN KIT**

1. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menubuhkan satu jawatankuasa tetap bencana yang merangkumi semua agensi-agensi berkenaan dan mesti bermesyuarat setiap bulan supaya sentiasa bersedia?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) telah diwujudkan selari dengan arahan Majlis Keselamatan Negara No. 20 bagi Arahan mengenai Dasar dan Mekanisme Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara pada 11 Mei 1997. JPBN ini adalah dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan berperanan untuk memberi bantuan kepada mana-mana daerah yang terjejas. Jawatankuasa ini bermesyuarat setiap dua bulan sekali bagi membincangkan isu-isu berkaitan bencana dan juga bagi melihat kesiapsiagaan setiap Jabatan teknikal dalam menghadapi apa-apa jua bentuk bencana yang dihadapi. Pihak Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) merupakan sekreteriat bagi Jawatankuasa ini dan dibantu oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan dan memastikan segala tindakan diselaraskan, aset dan sumber manusia mencukupi bagi menangani tiap-tiap bencana yang berlaku di daerah terjejas.